

TechnipFMC raih kontrak kejuruteraan Lembayong Deepwater

Jun 1, 2021 @ 8:49pm



Gambar fail. - Foto: Bloomberg

KUALA LUMPUR: Petronas Carigali Sdn Bhd (PCSB) memberi kontrak kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan, pengangkutan, pemasangan dan pentauliahan (EPCIC) kepada subsidiari TechnipFMC Plc, FMC Wellhead Equipment Sdn Bhd.

PCSB dalam satu kenyataan hari ini berkata kontrak itu adalah untuk sistem pengeluaran bawah permukaan laut, umbilikal, penaik dan garis alir (SURF) bagi Projek Pembangunan Limbayong Deepwater, medan gas minyak dan tidak bersekutu yang terletak 120 kilometer (km) di luar pesisir Sabah dengan kedalaman antara 900 sehingga 1,200 meter.

Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Huluan PETRONAS, Adif Zulkifli berkata projek Limbayong itu adalah sejajar dengan strategi pertumbuhan tiga serampang Petronas dalam mengembangkan asas sumbernya.

"Kami berharap projek berkenaan, yang menjadi pembangunan laut dalam pertama PCSB di Malaysia, akan memberi keyakinan dan menarik pelabur yang berpotensi untuk bekerjasama lebih jauh bagi mematangkan sumber laut dalam negara.

"Selain daripada pengewangan, Limbayong akan menjadi platform untuk meningkatkan keupayaan dalaman kami ke arah membuat persediaan bagi projek laut dalam seterusnya, bukan sahaja di Sabah tetapi juga di wilayah lain," katanya.

Medan Limbayong yang merangkumi 10 telaga laut dalam yang terkait kepada unit penyimpanan serta pemunggahan terapung projek tersebut manakala sistem bawah lautnya terdiri daripada SURF.

"Projek ini akan membuka jalan kepada pembangunan prospek sekeliling dalam lingkungan 18 hingga 30km dari kawasan sekitarnya.

"Ia kemudiannya akan diterjemahkan ke dalam lebih banyak peluang dan limpahan ekonomi untuk industri sokongan tempatan," kata Petronas.

– Bernama